

PERSEPSI GURU DAN PELAJAR TERHADAP KURIKULUM BERASAS KOMPETENSI

Maimun Aqsha Lubis
Ramlee Mustapha
Muhammad Hasyim Mustamin
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

This study was conducted to evaluate the implementation of competency-based curriculum in the Indonesian School of Kuala Lumpur (SIK). This new curriculum implemented in Indonesia focused not only on the cognitive aspect but more importantly on Knowledge and Skills. Previous research has shown that, in general, innovation in schools was perceived negatively by teachers. Little research has been conducted to evaluate curriculum innovation such as competency-based curriculum. This study utilized a case study method because only one international school was purposively selected. The respondents comprised 22 teachers and 77 students of the Indonesian School of Kuala Lumpur from form one of Junior High School (Sekolah Menengah Pertama) and form two and three from Senior High School (Sekolah Menengah Atas). The instrument consisted of two sets of questionnaires for teachers and students, and an interview protocol for the teachers. A pilot study was conducted to validate the instrument. The study found that teachers' knowledge regarding competency-based curriculum was at the medium high level ($M=3.78$). Data from the questionnaires also show that teachers rated highly ($M=4.14$) their readiness to implement the competency-based curriculum. Students also agreed ($M=3.86$) that the competency-based curriculum is a better curriculum than the traditional one. Nevertheless, interview data reveals that some teachers claim that they have had limited exposure to the competency-based curriculum and that the training was not effective. The findings of this study suggest that the teacher training in competency-based curriculum should be enhanced.

Reformasi politik pada tahun 1998 telah membawa perubahan dan mencetuskan fenomena baru terhadap pengembangan sistem pendidikan di Indonesia, Sistem pentadbiran berpusat (*centralized*) yang dilaksanakan sebelum ini telah berubah kepada sistem tidak berpusat (*decentralized*). Ekoran daripada perubahan tersebut, Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia telah melancarkan satu kurikulum baru yang dikenali sebagai Kurikulum Berasas Kompetensi: Projek lintis (*pilot project*). Pelaksanaan kurikulum ini bermula pada tahun 2002/2003 di beberapa buah sekolah percubaan. Kemudian rancangan ini dilaksanakan untuk semua sekolah menengah secara menyeluruh pada tahun 2004 (Dede Rosyada, 2004).

Tujuan pembentukan dan pelaksanaan kurikulum ini difokuskan kepada pengayaan pengetahuan (kognitif), pembentukan sikap (afektif) dan pembiasaan tingkah laku (psikomotor) pelajar. Usaha ini bukan sahaja tertumpu pada perubahan kandungan kurikulum tetapi juga melibatkan perubahan keseluruhan aspek kurikulum seperti matlamat dan objektif, asas dan prinsip-prinsip, pengamalan pengajaran, penilaian pembelajaran serta aspek-aspek yang merangkumi pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Indonesia, 2003).

Persepsi negatif dan sikap penentangan terhadap perubahan dan inovasi mungkin disebabkan oleh kecenderungan seseorang terhadap amalan-amalan konvensional yang sudah biasa dilakukan dan ketidakselesaan untuk membuat perubahan paradigma baik dari segi mental ataupun dari segi amalan. Tinjauan literatur juga menunjukkan bahawa kesukaran untuk membuat perubahan di sekolah mungkin dipengaruhi oleh sikap pentadbir dan guru (Pratt, 1980; Sufean, 2002). Pada kebiasaannya, keupayaan guru untuk melaksanakan sesuatu perubahan kurikulum dilihat dari segi pengetahuan dan kefahaman mereka tentang kurikulum yang baru serta kemahiran mereka untuk melaksanakan kurikulum tersebut.

Perubahan dari kurikulum tradisional yang memfokus kepada pencapaian akademik kepada Kurikulum Berasas Kompetensi bertunjang kepada gelombang *outcome-based education* yang melanda negara-negara barat bermula pada 1970-an (Oliva, 2005). Sehingga sekarang negara-negara membangun cuba untuk mengaplikasikan inovasi Kurikulum Berasas Kompetensi ini termasuklah negara Indonesia.

Pernyataan Masalah

Menurut Taba (1962), perubahan sentiasa melibatkan faktor-faktor manusia dan emosi. Justeru itu, dalam pelaksanaan sesuatu perubahan ataupun inovasi, ia akan melibatkan reaksi individu sama ada dalam bentuk persepsi secara positif mahupun negatif atau adanya tanggapan-tanggapan lain yang berbeza-beza. Proses terjadinya persepsi tersebut dipengaruhi oleh keperluan, pengalaman, budaya, nilai hidup dan faktor-faktor psikologi seseorang. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Derville (1979), tindakan untuk melakukan sesuatu bergantung kepada daya kognitif dan afektif yang wujud melalui pengalaman dan pembelajaran yang pernah dilalui.

Perubahan dalam pendidikan biasanya akan melibatkan perubahan atau perkembangan kurikulum atau penggunaan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar dalam pembelajarannya serta menentukan kompetensi pelajar. Isu utama yang sering dibincangkan ialah berhubung pelaksanaan kurikulum oleh guru (Sufean, 2002). Menurut Nana Syaodih (1997) dan Wina Sanjaya (2006), perubahan dalam kurikulum sukar dilaksanakan jika guru sebagai pelaksana mempunyai tanggapan dan pemahaman yang kurang jelas terhadap kurikulum tersebut. Di samping itu tanpa pengetahuan, pengalaman dan keupayaan juga akan menyebabkan guru kurang bersedia untuk menghadapi dan melaksanakan perubahan yang dirancangan.


Tilaar (2003) menyatakan bahawa pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi di Indonesia merupakan salah satu perubahan kurikulum terbesar yang pernah berlaku di negara itu. Perubahan kurikulum ini dikenal pasti banyak menghadapi masalah dan

menimbulkan pelbagai polemik dan reaksi. Tinjauan beliau mendapati ramai pengetua dan guru sekolah belum memahami secara jelas tentang konsep Kurikulum Berasas Kompetensi dan cara melaksanakannya, sehingga pengajaran yang mereka laksanakan tidak jauh berbeza dari apa yang mereka amalkan sebelum ini. Menurut Sutarmo (2003) pula, ramai pengetua dan guru sekolah yang mempunyai persepsi yang berbeza-beza mengenai Kurikulum Berasas Kompetensi. Ini kerana kurikulum itu sendiri mempunyai pengertian dan interpretasi yang pelbagai dan luas, Justeru, adalah kritikal kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi dari persepsi guru dan pelajar di sebuah sekolah Indonesia di luar negara.

Perbincangan berikutnya menghuraikan secara mendalam berhubung pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi menerusi kajian yang dijalankan di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIK).

Definisi Kurikulum Berasas Kompetensi

Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) ialah kurikulum baru yang dilaksanakan secara luas di Indonesia mulai tahun 2004. Kurikulum Berasas Kompetensi adalah pengembangan kurikulum yang berasas dari kompetensi yang perlu dikuasai oleh pelajar setelah melalui proses pendidikan iaitu pengetahuan, kemahiran, dan nilai serta pola berfikir dan bertindak sebagai tindak balas dari pemahaman dan penghayatannya terhadap apa yang telah dipelajarinya (Dede Rosyada, 2004). Definisi lain bagi KBK ialah satu set perancangan kurikulum yang berdaya kompetensi (pengetahuan, ketrampilan dan nilai) yang hams dicapai oleh pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penilaian pengajaran dan pengembangannya (Wina Sanjaya, 2006). Rajah 1 menunjukkan struktur bagi kerangka dasar Kurikulum Berasas Kompetensi.



Rajah 1. Struktur kompetensi dalam KBK (Dede Rosyada, 2004)

Peringkat pertama (I) kompetensi lulusan iaitu kurikulum dan hasil pembelajaran disusun dengan memasukkan idea, pandangan serta matlamat yang menjadi harapan pihak pemerintah sama ada *shareholder*, *stakeholder*, ataupun pengguna dari pendidikan. Pada peringkat kedua (II), penyusunan kurikulum memerlukan aspek teknikal kerana ia sudah menggambarkan kompetensi dengan pelbagai huraian dan perincian berdasarkan kompetensi lulusan serta analisa keperluan bahan sumber, strategi, kaedah dan masa untuk mencapainya mengikut aliran mata pelajaran. Peringkat ketiga (III) pula kompetensi mata pelajaran dilakukan oleh guru-guru dengan menyesuaikan pelbagai kompetensi mengikut mata pelajaran masing-masing dan menyesuaikannya dengan peringkat kompetensi pelajar (Dede Rosyada, 2004).

ObjektifKajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi guru dan pelajar terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi di Sekolah Indonesia, Kuala Lumpur (SIK). Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru tentang Kurikulum Berasas Kompetensi.
2. Mengetahui tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi.
3. Menilai pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi dari persepsi guru dan pelajar.

Metodologi

Rekabentuk kajian. Bagi mengenal pasti sejauhmana pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) dipraktikkan oleh guru, satu kajian kes berbentuk deskriptif telah dijalankan di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Mengikut Gall et al. (2007), kajian kes adalah kajian deskriptif tentang sesuatu fenomena dari perspektif subjek yang terlibat. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi guru dan pelajar berhubung pelaksanaan kurikulum tersebut.

Sampel kajian. Oleh kerana jumlah guru yang mengajar di SIK adalah terhad iaitu hanya berjumlah 22 orang maka kesemua mereka telah dipilih menyertai kajian ini. Oleh itu, penyelidikan ini rneibatkan seramai 22 orang guru dan 77 pelajar yang telah dipilih dari pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan tingkatan dua serta tiga dari Sekolah Menengah Atas (SMA) di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur.

Instrumen

Instrumen. Kajian adalah penting untuk mencapai objektif kajian. Berdasarkan tinjauan literatur, tujuan dan objektif kajian, dua jenis alat kajian telah dibina:

- (a) Borang soal selidik: Dua set borang soal selidik telah dibina; satu untuk guru dan satu lagi untuk pelajar.

- (b) Protokol temu bual: Satu set protokol temu bual telah dibina untuk pentadbir dan guru.

Soal selidik Guru distruktur kepada empat bahagian, iaitu A, B, C, dan D. Bahagian A merupakan Profil Guru. Bahagian B terdiri daripada 10 item berhubung pengetahuan guru mengenai Kurikulum Berasas Kompetensi. Bahagian C terdiri daripada 10 item berhubung tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi; Bahagian D pula terdiri daripada 11 item tentang pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru. Untuk Bahagian B, skala Likert 5-poin telah digunakan: 5=Sangat Berpengetahuan (SB), 4=Bepengetahuan (B), 3=Tidak Pasti (TP), 2=Tidak Berpengetahuan (TB), dan 1=Sangat Tidak Berpengetahuan (STB). Untuk Bahagian soal selidik yang lain termasuk soal selidik pelajar menggunakan Likert 5-poin berbentuk: 5=Sangat Setuju (SS), 4=Setuju (S), 3=Tidak Pasti (TP), 2=Tidak Setuju (TS), dan f=Sahgat Tidak Setuju (SIS).

Soal selidik Pelajar pula dibahagi kepada dua bahagian, iaitu A dan B. Bahagian A merupakan Profil Pelajar. Bahagian B terdiri daripada 15 item berhubung pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi dalam bilik darjah diukur dari persepsi pelajar.

Temu bual merupakan satu proses interaksi di antara penyelidik dan responden (Wan Hashim et al., 1990). Temu bual juga digunakan sebagai satu proses triangulasi terhadap pengurupulan data melalui soal selidik. Dalam kajian ini, dua orang pentadbir, pengetua dan pegawai kanan bahagian kurikulum, serta dua orang guru iaitu seorang guru SMP dan seorang guru SMA telah dipilih.

Kajian Rintis. Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian. Kajian rintis telah dijalankan pada 5 sehingga 20 April 2006. Soal selidik dan protokol temu bual telah disemak oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan untuk menentukan kesahan konstruk sebelum ditadbir kepada subjek dalam kajian rintis. Selepas kajian rintis, soal selidik telah diubahsuai berdasarkan kepada komen responden. Dapatan dari kajian rintis juga menunjukkan bahawa nilai ketekalan dalaman alat kajian menggunakan analisis alpha Cronbach untuk soal selidik guru adalah tinggi, iaitu $\alpha = .87$ dan untuk soal selidik pelajar $\alpha = .85$.

Pengurupulan dan Penganalisan Data. Setelah mendapat kebenaran dari pihak sekolah, pengurupulan data dilakukan menerusi instrumen iaitu satu set soal selidik dan protokol temu bual untuk guru dan satu set untuk pelajar. Data yang dikumpulkan dari soal selidik diproses menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratusan untuk data berkaitan dengan latarbelakang responden dan min untuk data berkaitan dengan tahap pengetahuan, kesediaan dan tahap persepsi guru dan pelajar terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi.

Dapatan Kajian

Data Soal Selidik

Profil responden guru menunjukkan bahawa 12 orang guru lelaki (54,5%) dan 10 orang guru perempuan (45.5%) terlibat dalam kajian ini. Majoriti responden berumur lebih dari 30 tahun (91%) dan memiliki ijazah sarjana muda (77.3%) sebagai kelayakan akademik serta sijil perguruan (73%) sebagai kelayakan ikhtisas. Dari segi pengalaman mengajar, separuh dari responden (50%) memiliki pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun serta kesemua responden guru (100%) pernah mengikuti latihan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK).

Data dari soal selidik Guru (Bahagian B, C, dan D) dianalisis menggunakan statistik deskriptif mengenai beberapa aspek berkaitan dengan tahap pengetahuan, kesediaan dan tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur mengikut persepsi guru. Tidak ketinggalan bahagian ini akan melaporkan berhubung persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.

Jadual 1 menunjukkan seramai 20 orang guru (90.9%) menyatakan berpengetahuan tentang rasional perubahan dari kurikulum tradisional kepada Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Begitu pula halnya dengan seramai 18 orang guru (81.8%) menyatakan berpengetahuan mengenai teori asas KBK. Namun 11 orang guru (50%) sahaja yang mengetahui ciri-ciri dalam KBK. Seramai 17 orang guru (77.2%) berpengetahuan terhadap prinsip-prinsip dalam pengembangan KBK. Seramai 12 (54.6%) orang guru yang menyatakan berpengetahuan merumuskan pelbagai kompetensi yang harus dicapai dari proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu pula hanya seramai 13 orang guru (59.1%) menyatakan berpengetahuan menggunakan kaedah dan strategi yang dapat menghasilkan kompetensi pelajar. Manakala 13 orang guru (59.1%) menyatakan berpengetahuan dalam membuat penilaian berasas kelas.

Seramai 16 orang guru (72.7%) sahaja yang menyatakan berpengetahuan terhadap penilaian berasas kompetensi. Begitu juga seramai 16 orang guru (54.6%) menyatakan berpengetahuan dalam mengukur standard kompetensi yang dihasilkan dari pembelajaran serta 16 orang guru (72.7%) yang menyatakan berpengetahuan terhadap penggunaan kaedah pembelajaran masteri. Secara keseluruhan nilai min bagi tahap pengetahuan guru terhadap KBK ialah 3.78. Dapatan ini bermakna bahawa tahap pengetahuan guru berada pada tahap sederhana tinggi mengenai Kurikulum Berasas Kompetensi.

Jadual

Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK)

Item	STB TB		TP %	B %	SB %	Min
	%	%				
1. Rasional tentang perubahan kurikulum tradisional kepada Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	9.1	77.3	13.6	4.04
2. Teori Asas Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	18.2	63.6	18.2	4.00
3. Ciri-ciri Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	50.0	40.9	9.1	3.59
4. Prinsip-prinsip dalam pengembangan Kurikulum Berasas Kompetensi	-	-	22.7	63.6	13.6	3.90
5. Merumuskan pelbagai kompetensi yang harus dicapai dari proses pengajaran dan pembelajaran.	-	-	45.5	36.4	18.2	3.72
6. Menggunakan kaedah pembelajaran untuk menghasilkan kompetensi pelajar.	-	-	40.9	50.0	9.1	3.68
7. Membuat penilaian berasas kelas.	-	-	40.9	40.9	18.2	3.77
8. Penggunaan alat penilaian berasaskan kompetensi.	-	-	27.3	59.1	13.6	3.86
9. Mengukur standard kompetensi yang dihasilkan dari pembelajaran.	-	4.5	40.9	45.5	9.1	3.59
10. Penggunaan kaedah pembelajaran masteri.	-	-	27.3	72.7	-	3.72
Min Keseluruhan						3.78

Berdasarkan Jadual 2, seramai 18 orang guru (81.8%) bersetuju untuk terlibat dalam perancangan dan pengembangan KBK di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIK). Manakala kesediaan untuk mengajar menggunakan KBK ialah seramai 21 orang guru (95.5%). Begitu pula halnya dengan kesediaan membuat rancangan persiapan mengajar KBK seramai 21 orang guru (95.4%) bersetuju. Seramai 20 orang guru (90.9%) bersetuju untuk membuat rumusan pelbagai kompetensi KBK dan menyusun silibus pembelajaran KBK. Manakala kesediaan menggunakan sumber dan bahan bantu mengajar KBK ialah seramai 22 orang guru (100%) atau kesemua orang guru bersetuju. Manakala 18 orang guru (81.8%) bersetuju untuk menggunakan kaedah dan strategi pengajaran KBK yang boleh menghasilkan kompetensi pelajar. Seramai 22 (100%) atau semua orang guru bersetuju untuk bersedia melakukan pengajaran berpusat pada pelajar. Manakala 20 orang guru (90.9%) bersetuju untuk membuat pengukuran standard kompetensi yang telah dihasilkan. Seramai 17 orang guru (77.2%) menyatakan bersedia membuat penilaian berasas kelas. Kesemua responden (100%) bersedia untuk mengikuti kursus dan latihan berkaitan dengan Kurikulum Berasas Kompetensi. Min keseluruhan untuk tahap kesediaan guru untuk melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi adalah $M=4.14$. Dapatan ini

bermakna bahawa tahap kesediaan guru berada pada tahap tinggi terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi.

Jadual 2

Tahap Kesediaan Guru terhadap Pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK)

	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	.. Mm
1.	Saya bersedia terlibat dalam pengembangan KBK.	-	-	182	63.6	18.2	4.00
2.	Saya bersedia mengajar menggunakan KBK.	-	-	4.5	77.3	18.2	4.13
3.	Saya bersedia membuat rancangan persiapan mengajar KBK.	4.5	-	-	81.8	13.6	4.00
4.	Saya bersedia membuat silibus pembelajaran KBK.	-	.5	4.5	77.3	13.6	4.00
5.	Saya bersedia menggunakan sumber, bahan dan alat bantu mengajar KBK.	-	-	-	77.3	22.7	4.22
6.	Saya bersedia menggunakan kaedah yang dapat menghasilkan kompetensi pelajar.	-	-	18.2	63.6	18.2	4.00
7.	Saya bersedia melakukan pengajaran berpusatkan pelajar.	-	-	-	68.2	31.8	4.31
8.	Saya bersedia membuat pengukuran standard kompetensi yang telah dihasilkan dari sesi pembelajaran.	-	-	9.1	68.2	22.7	4.13
9.	Saya bersedia membuat penilaian berasas kelas	-	-	22.7	54.5	22.7	4.00
10.	Saya bersedia mengikuti kursus KBK	-	-	-	36.4	63.6	4.63
Min Keseluruhan							4.14

Jadual 3 menunjukkan data mengenai tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi di SIK. Kesemua guru (100%) bersetuju bahawa perubahan kurikulum tahun 1994 kepada Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) adalah idea yang baik untuk dilaksanakan.

Jadual 3

Tahap Pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) Mengikut Persepsi Guru

Item	STS %	TS %	TP %	S %	55 %	Min
1. Bagi saya, perubahan kurikulum 1994 kepada Kurikulum Berasas Kompetensi adalah idea yang baik.	"	"	"	68.2	31.8	31
2. Saya percaya bahawa Kurikulum Berasas pembelajaran di SIK.	-	-	-	86.4	13.6	4.13
3. Saya seronok mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	"	"	18.2	68.2	13.6	3.95
4. Mengajar menggunakan Kuriikulum Berasas Kompetensi adalah menarik dan mencabar.	"	'	13.6	72.7	13.6	4.00
5. Saya perlumengubahteknik/amalanpengajaran yang saya praktikkan sebelumnya bagi melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	"	"	4.5	81.8	13.6	4.09
6. Mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi sangat berkesan.	'	"	9.1	54.5	36.4	4.27
7. Saya yakin dapat melaksanakan perubahan-perubahan dalam pengajaran menggunakan KBK sepertimana yang diharapkan.	"	"	13.6	77.3	9.1	3.95
8. Saya perlu bekerjasama dengan rakan-rakan untuk melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi	-	-	-	50.0	50.0	4.50
9. Saya perlu menambahkan pengetahuan dan kemahiran saya bagi mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	"	"	4.5	40.9	54.5	4.50
10. Mengajar dengan menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi menjadikan saya lebih bersemangat dalam meningkatkan pengajaran saya.	"	'	4.5	86.4	9.1	4.04
11. Saya yakin pelajar-pelajar saya seronok (gembira) belajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi	"	"	9.1	86.4	4.5	3.95
Min keseluruhan						4.15

Kesemua guru (100%) juga percaya tentang keperluan pengajaran dan pembelajaran menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi. Seramai 18 orang guru (81.8%) bersetuju bahawa mereka seronok mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi. Begitu pula seramai 19 orang guru (86.3%) bersetuju bahawa mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi menarik dan mencabar. Hampir kesemua guru (95.4%) bersetuju tentang keperluan mengubah teknik dan perlakuan pengajaran yang sudah diamalkan sebelumnya bagi melaksanakan KBK serta mereka (90.9%) juga percaya bahawa mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi adalah sukar tapi ianya berkesan. Begitu pula 19 orang guru (86.4%) berkeyakinan dapat melaksanakan perubahan dalam pengajaran menggunakan KBK manakala kesemua guru (100%) bersetuju bahawa mereka perlu bekerjasama dengan guru-guru lain untuk melaksanakan KBK.

Hampir kesemua guru (95.4%) percaya bahawa mereka perlu menambahkan pengetahuan dan kemahiran mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi. Majoriti guru (95.5%) bersetuju bahawa mereka bersemangat meningkatkan pengajaran mereka menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi serta mereka (90.9%) percaya bahawa pelajar-pelajar mereka seronok belajar menggunakan KBK. Min keseluruhan untuk tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi adalah $M=4.15$. Dapatan ini bermakna bahawa tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi menurut persepsi guru berada pada tahap tinggi.

Jadual 4 menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur mengikut persepsi pelajar. Jadual 4 tersebut mendapati 45 orang pelajar (58.5%) yang menyatakan pengajaran guru menarik minat dan perhatian pelajar. Seramai 56 orang pelajar (72.7%) menyatakan guru menstruktur pengajarannya dalam bilik darjah. Begitu pula seramai 59 orang pelajar (76.6%) berpandangan bahawa guru menghubungkan pelajaran dengan pengetahuan pelajar sebelumnya.

Majoriti pelajar (81,8%) berpandangan bahawa guru mengajar secara aktif dan berwibawa. Begitu pula 54 orang pelajar (70.2%) bersetuju bahawa pengajaran guru mudah difahami, jelas dan tepat. Jadual ini juga menunjukkan didapati 56 orang pelajar (72.7%) menyatakan bahawa guru menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran KBK. Seramai 46 orang pelajar (59.8%) berpandangan bahawa guru menyesuaikan kaedah dan strategi pengajaran mengikut minat dan tahap pelajar. Seramai 64 orang pelajar (83.2%) menyatakan bahawa guru menggunakan dan mempelbagaikan bahan bantu mengajar. Hanya 49 orang pelajar (63.7%) yang berpandangan bahawa guru boleh mengawal kondisi kelas dengan baik pada masa pembelajaran.

Seramai 57 orang pelajar (74.1%) mendapati guru memiliki keyakinan yang tinggi dalam pengajarannya. Begitu pula 55 orang pelajar (71.5%) berpandangan bahawa guru memiliki kemahiran gerak tubuh dalam mengajar. Seramai 61 orang pelajar (79.2%) menyatakan bahawa guru memberikan kebebasan kepada pelajar berfikir secara kritikal dan kreatif. Hanya 48 orang pelajar (62.4%) berpandangan bahawa guru mengajar berpusatkan pada pelajar. Seramai 55 orang pelajar (71.5%) menyatakan bahawa guru membuat penilaian yang adil dan terbuka. Seramai 56 orang pelajar (72.7%) menyatakan bahawa guru memberi peneguhan di akhir pembelajaran. Min keseluruhan untuk tahap pelaksanaan KBK dari persepsi pelajar adalah $M=3.86$. Dapatan ini bermakna bahawa tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4

Tahap Pelaksanaan Pengajaran Guru Menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) Mengikut Persepsi Pelajar

Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
1. Pengajaran guru KBK menarik minat pelajar.	-	13.0	28.6	49.4	9.1	3.54
2. Guru KBKmenstruktur pengajaran mengikut urutan pengajaran.	-	2.6	24.7	64.9	7.8	3.77
3. Pengajaran guru KBK menghubungkan dengan pelajaran sebelumnya.	-	3.9	19.5	63.6	13.0	3.85
4. Guru KBK mengajar secara aktif dan berwibawa.	-	2.6	15.6	58.4	23.4	4.02
5. Guru KBK .menyampaikan pelajaran dengan menggunakan istilah-istilah yang mudah difahami, tepat dan jelas.	-	1.3	28.6	45.5	24.7	2.93
6. Guru KBK menggunakan pelbagai kaedah dalam pembelajarannya.	-	2.6	24.7	61.0	11.7	3.81
7. Guru KBK menyesuaikan kaedah pengajaran dengan tahap kemahiran pelajar yang berbeza-beza.	-	5.2	35.1	45.5	14.3	3.68
8. Guru KBK menekankan penggunaan bahan bantu mengajar untuk membantu kefahaman pelajar.	-	2.6	14.3	40.3	42.9	4.23
9. Guru dapat mengawal kondisi kelas dengan baik	-	5.2	31.2	44.2	19.5	3.77
10. Guru KBK mempunyaikeyakinan yang tinggi dalam menyampaikan pengajarannya.	-	6.5	19.5	48.1	26.0	3.93
11. Guru KBK memiliki kemahiran gerak rubuh dalam menyampaikan pengajaran.	-	7.8	20.8	48.1	23.4	3.87
12. Guru KBK selalu memberikan kebebasan kepada pelajar untuk berikir secara kritikal dan kreatif.	-	3.9	16.9	58.4	20.8	3.96
13. Guru KBK mengajar berpusatkan pada pelajar.	-	5.2	32.5	45.5	16.9	3.74
14. Guru KBK membuat penilaian yang adil dan terbuka berasaskan kompetensi pelajar.	-	3.9	24.7	40.3	31.2	3.98
15. Guru KBK memberi peneguhan kepada pelajar di akhir pengajaran.	-	2.6	24.7	59.7	13.0	3.83
Min Keseluruhan						3.86

Data Temu Bual

Berdasarkan konsep triangulasi, satu lagi alat kajian digunakan iaitu protokol temu bual. Tujuan temu bual ini adalah untuk melihat dengan lebih mendalam tentang pengetahuan dan kemahiran guru tentang Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) serta tahap kesediaan dan pelaksanaan KBK di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur.

Dua orang pentadbir dan dua orang guru telah dipilih untuk ditemu bual. Secara umumnya, kesemua responden bersetuju bahawa pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi membawa impak positif terhadap pencapaian pelajar di sekolah. Justeru, menurut mereka, pelaksanaan kurikulum ini diperlukan bagi pengembangan dan inovasi pendidikan sebab kurikulum ini bukan sahaja memfokus kepada pencapaian akademik tetapi juga melibatkan aspek afektif dan kognitif.

Pentadbir dan guru menyatakan bahawa pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur mula diperkenalkan sejak kurikulum ini dirintis pelaksanaannya pada tahun 2003 di Indonesia. Dari aspek kesediaan guru terhadap pelaksanaan kurikulum ini, kesemua responden menjawab bahawa guru di SIK sudah bersedia untuk melaksanakan kurikulum ini. Alasan mereka ialah majoriti guru di SIK telah diberi latihan untuk melaksanakan kurikulum baru ini.

Dari segi kewangan, sekolah ini boleh dikategorikan sebagai sekolah yang kurang bermasalah untuk melaksanakan KBK. Prasarana dan kemudahan asas adalah mencukupi untuk melaksanakan kurikulum ini. Walau bagaimanapun, kewangan sekolah terhad untuk membina bangunan dan kelas baru. Dari segi pengetahuan guru terhadap konsep dan tujuan pelaksanaan KBK, kesemua responden percaya bahawa pengetahuan guru masih perlu di pertingkatkan lagi. Bahkan, ada seorang responden guru yang menyatakan bahawa dia masih belum benar-benar memahami Kurikulum Berasas Kompetensi ini walaupun sudah mengikuti latihan dan kursus KBK di Indonesia.

Kesemua responden juga mengakui bahawa kursus yang pernah mereka ikuti sebelum ini tidak begitu berkesan. Ini kerana tidak adanya model pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang jelas untuk melaksanakan kurikulum ini. Justeru, mereka banyak memperoleh maklumat dengan mengadakan diskusi dan perkongsian maklumat di antara guru-guru, membaca buku dan melayari Internet.

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Data dari soal selidik kajian menunjukkan bahawa majoriti guru-guru di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIK) memiliki pengetahuan tentang Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Dapatan min keseluruhan bagi konstruk pengetahuan ialah 3.78, iaitu pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan terhadap konsep dan pelaksanaan KBK. Kepentingan pengetahuan asas mengenai sesuatu kurikulum ini sememangnya perlu diambil kira sebagaimana Anwar Jasin (1987) dan Dawam Raharjo (1997) menyatakan bahawa objektif kurikulum dan pengajaran hanya akan dapat dicapai dan terlaksana dengan baik apabila guru memiliki pengetahuan terhadap perubahan kurikulum serta memahami konsep dan pelaksanaan kurikulum secara menyeluruh.

Data soal selidik juga mendapati kesediaan guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi adalah di tahap tinggi ($M = 4.14$). Ini bermaksud majoriti guru berpandangan bahawa mereka bersedia untuk melaksanakan KBK. Namun data temu bual menunjukkan guru-guru di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur masih perlu diberikan latihan untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mereka meskipun kesediaan mereka untuk terlibat dalam perancangan dan pengembangan KBK di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur di tahap tinggi ($M = 4.00$).

Merujuk kepada persepsi guru berhubung tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi, ia berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.15$). Dapatan ini juga boleh diinterpretasikan bahawa guru memiliki persepsi yang positif terhadap pelaksanaan KBK di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Namun data temu bual menunjukkan bahawa responden mengakui bahawa kursus yang pernah mereka ikuti sebelum ini tidak begitu berkesan. Ini kerana tidak adanya model pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang jelas untuk melaksanakan kurikulum ini. Justeru, mereka banyak memperoleh maklumat secara tidak formal seperti melalui diskusi dan perkongsian maklumat di antara guru-guru, membaca buku dan melayari Internet. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran serta kerjasama dengan rakan-rakan guru dalam melaksanakan KBK di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Sememangnya persepsi dan sikap guru yang dikatakan tidak menerima perubahan dan inovasi memiliki kecenderungan untuk menentang perubahan (Havelock, 1973). Pratt (1980) menyatakan bahawa persepsi negatif dan sikap penentangan guru terhadap perubahan dan inovasi pendidikan disebabkan oleh kecenderungan seseorang untuk berpegang kepada amalan-amalan yang tidak asing baginya iaitu amalan yang sedia ada yang sudah terbukti berjaya.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru menggunakan KBK mengikut persepsi pelajar di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur berada di tahap sederhana tinggi ($M=3.86$). Dapatan min tertinggi bagi keseluruhan item konstruk tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi pelajar ialah berkaitan penggunaan alat dan bahan bantu mengajar terkini sangat membantu pelajar dalam memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru ($M= 4.23$). Namun, persepsi pelajar mengenai guru mereka yang mengajar berpusatkan pelajar mendapat min yang paling rendah ($M=3.74$). Berdasarkan kepada dapatan min yang paling rendah bagi konstruk ini, maka kepentingan penggunaan pengajaran yang berpusatkan pada pelajar sememangnya perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Dapatan ini disokong oleh Zahara Aziz, Khadijah Abdul Razak dan Anuar Ahmad (1999) di mana pengajaran guru yang menggunakan strategi-strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar mampu meningkatkan pencapaian pelajar. Ini kerana daya ingatan pelajar dapat dipertingkatkan melalui hasil daripada pengalaman terus yang diperolehi dalam pembelajaran. Oleh itu, guru perlu menggalakkan pelajar dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang merangsang pemikiran dan strategi pembelajaran mereka.

Pengetahuan dan kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum sememangnya menjadi syarat utama untuk menjamin kegiatan pelaksanaan kurikulum dengan baik. Kajian ini bersesuaian dengan pandangan Hurst dalam Habsah Ismail (2000) yang menyatakan bahawa guru yang mempunyai keupayaan dari segi pengetahuan, kefahaman,

dan kemahiran lebih bersedia untuk melakukan perubahan dan inovasi dalam pendidikan. Begitu pula kajian Siti Hawa Ahmad (1986) dan Azizah Abd. Rahman (1987) yang menunjukkan bahawa masalah kurang pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tentang perubahan dan inovasi dalam kalangan guru dikenal pasti sering menjadi halangan atau salah satu punca utama kegagalan pelaksanaan perubahan kurikulum.

Dari dapatan kajian ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa guru-guru di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur masih perlu diberikan latihan dan kursus yang lebih berkualiti berkaitan dengan KBK untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka. Perkara ini juga di sokong berdasarkan dapatan temu bual yang menyatakan bahawa kursus dan latihan yang mereka ikuti selama ini di Indonesia masih banyak kelemahan dan kurang berkesan. Hal ini perlu diambil berat untuk menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajarannya bagi pelajar. Perkara ini juga disokong oleh kajian Siti Hawa Ahmad (1986) yang mendapati bahawa keupayaan guru untuk membuat inovasi menjadi masalah apabila tidak mengambil kira latihan dan kursus bagi mempertingkatkan pengetahuan dan membolehkan guru melaksanakan perubahan dan inovasi sebagaimana yang diharapkan.

Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

- a. Kementerian Pendidikan Indonesia (KPI) perlu memberi penerangan terperinci dan menyeluruh berhubung pelaksanaan KBK di Sekolah Indonesia luar negara khususnya di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur.
- b. KPI perlu membuat penilaian dan pemantauan secara berterusan terhadap pelaksanaan KBK khasnya di sekolah-sekolah Indonesia luar negara.
- c. Pakar dalam bidang KBK perlu memikirkan tentang model KBK yang mudah dan praktikal untuk dipelajari dan dilaksanakan.
- d. KPI perlu merancang dan mengaitkan pengembangan kurikulum yang sesuai dengan situasi negara setempat bagi memahami pelbagai budaya masyarakatnya.
- e. Menganjurkan latihan atau kursus berterusan kepada guru Sekolah Indonesia Kuala Lumpur berkaitan dengan KBK.
- f. Pihak Kementerian dan Sekolah perlu memperuntukkan bajet khas untuk membina prasarana, kemudahan, resos, dan latihan untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan dan penilaian KBK.
- g. Mempertingkatkan kerjasama antara Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk mengembangkan pelaksanaan KBK di SIK.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa persepsi, pengetahuan dan kesediaan guru merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu pelaksanaan kurikulum. Tanpa kesediaan guru dan pengetahuan yang sewajarnya, keberkesanan pelaksanaan kurikulum akan terjejas. Menurut persepsi guru dan pelajar

tentang pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur mendapati mereka bersikap positif. Namun, data temu bual menunjukkan bahawa responden raengakui bahawa kursus yang pernah mereka ikuti sebelum ini tidak begitu berkesan. Ini kerana tidak adanya model pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang jelas untuk melaksanakan kurikulum ini. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan yang berterusan serta kerjasama dengan rakan-rakan guru dalam melaksanakan Kurikurn Berasas Rompetensi di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur.

Rujukan

- Anwar Jasin. (1987). *Pembaharuan kurikulum sekolah dasar*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Azizah Abd. Rahman. (1987). *Curriculum innovation in Malaysia: The case of KBSR*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Institute of Education, University of London.
- Dawam Raharjo. (1997). *Keluar dari kemelut pendidikan nasional*. Jakarta: PT Internusa.
- Dede Rosyada. (2004). *Paradigma pendidikan demokratis*. Jakarta: Kencana.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2003). *Kurikulum berbasis kompetensi*. Jakarta: Pusat Pelayanan Kurikulum.
- Derville, L. (1979). *Penggunaan psikologi dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: Longman.
- Gall, M. D., Gall, T. P., & Borg, W. R. (2007). *Educational research: An introduction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Habsah Ismail. (2000). *Kefahaman guru tentang konsep pendidikan hersepadu sekolah menengah KBSM*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Havelock, R. (1973). *The change agent guide to innovation in education*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology.
- Nana Syaodih Sukmadinata. (1997). *Pengembangan kurikulum: Teori dan praktek*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Oliva, P. (2005). *Developing the curriculum*. Boston: Allyn & Bacon.
- Pratt, D. (1980). *Curriculum design and development*. Orlando, FL: Harcourt.
- Siti Hawa Ahmad. (1986). *Implementing a new curriculum for primary school: A case study from Malaysia*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. University of London.
- Sufean Hussin. (2002). *Inovasi dasar pendidikan: Perspektif sistem dan organisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sutarmo. (2003). Implementasi kurikulum berbasis kompetensi dalam kerangka otonomi daerah. *Potensia: Jurnal Kependidikan Islam*, 2(1), 151-168.
- Taba, H. (1962). *Curriculum development: Theory and practice*. New York: Harcourt.
- Tilaar, H. A. R. (2003). *Kekuasaan dan pendidikan*. Magelang: Indonesia Tera.
- Wan Hashim Wan Teh, Ting, C. P., & Shamsul Amri Baharuddin. (1990). *Kaedah penyelidikan sosial*. Petaling Jaya: Inventra.
- Wina Sanjaya. (2006). *Pembelajaran dalam implementasi Kurikulum Berbasis Kompetensi*. Jakarta: Kencana.
- Zahara Aziz, Khadijah Abdul Razak, & Anuar Ahmad. (1999). *Beberapa strategi pengajaran berpusatkan pelajar dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di sekolah menengah di semenanjung Malaysia*. Laporan Penyelidikan G5/1999 yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.